



## DIMENSI KEMATIAN MANUSIA MENURUT AL-QURAN

### [DIMENSIONS OF HUMAN DEATH ACCORDING TO THE QURAN]

FATIMAH ZAHARAH ISMAIL,<sup>1\*</sup> AHMAD FARIMIN AHMAD OSMAN,<sup>2</sup> NAJMIAH OMAR,<sup>1</sup>  
MOHAMED FATHY MOHAMED ABDELGELIL<sup>1</sup> & MOHD. A'TARAHIM MOHD. RAZALI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mel: fatimahzaharah@unisza.edu.my; najmiah@unisza.edu.my; mfathy@unisza.edu.my; tarahim@unisza.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Kejuruteraan (Koordinator Tahfiz Fakulti Kejuruteraan), Universiti Multimedia, 63100 Cyberjaya, Selangor, Malaysia. E-mail: ahmad.farimin@mmu.edu.my

\*Corresponding Author: fatimahzaharah@unisza.edu.my

---

*Received: 1 November 2021*

*Accepted: 15 November 2021*

*Published: 16 Disember 2021*

---

**Abstrak:** Al-Quran memerihalkan kematian manusia sebagai titik tamat kepada kehidupan di dunia dan merupakan hakikat yang akan dilalui oleh setiap insan. Terdapat banyak ayat al-Quran yang berbicara tentang aspek-aspek kematian sebagai panduan dalam kehidupan manusia. Dalam al-Qur'an, Allah S.W.T menggunakan variasi kosa kata bagi menggambarkan kematian. Justeru, kertas kerja ini menganalisis pelbagai aspek kematian manusia dan meneroka keanekaragaman kata kematian manusia yang digunakan dalam Al-Qur'an seterusnya menghuraikannya menurut pandangan ahli tafsir. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan mengaplikasikan kaedah tafsir tematik sebagai kaedah analisis. Di dalam al-Qur'an, aspek kematian manusia dibincangkan dari sudut hakikat kematian, kematian sebagai perkara ghaib dan ketakutan manusia menghadapi kematian. Selain itu, terdapat variasi kata seperti al-mawt, wafa, qutila, halaka, al-yaqin dan akhaza bagi menggambarkan kematian manusia. Penggunaan kata berbeza bertepatan dengan konteks, struktur yang gramatis serta menzahirkan ungkapan beretorik. Al-Qur'an membentangkan aspek kematian dengan kata yang pelbagai sebagai mukjizat sekaligus untuk memberi peringatan kepada manusia untuk menjalani kehidupan di dunia mengikut panduan yang ditetapkan oleh Allah.

**Kata kunci:** Kematian, Manusia, Maut, al-mawt, al-Quran

**Abstract:** The Qur'an describes human death as the end to life in the world and is a fact that every human being will go through. There are many verses of the Qur'an that speak of aspects of death as a guide in human life. In the Qur'an, Allah S.W.T uses a variety of vocabulary to describe death. Thus, this paper analyzes various aspects of human death and explores the diversity of Quranic words used to describe death and analyze them according to the views of Quranic commentators. This study is a qualitative study that uses content analysis approach and applies thematic interpretation method as an analysis method. In the Qur'an, the aspects of human death are discussed from the point of view of the fact of death, death as an unseen and human's fear of death. In addition, there are variations of words such as al-mawt, wafa, qutila, halaka, al-yaqin and akhaza to describe human death. The use of different words are in line with the context, grammatical structure and expresses rhetorical expressions. The Qur'an presents the aspect of death in various words as a miracle as well as to guide human beings to live life in the world according to the guidelines set by Allah S.W.T.

**Keywords:** Death, Human, al-mawt, al-Quran

**Cite This Article:**

Fatimah Zaharah Ismail, Ahmad Farimin Ahmad Osman, Najmiah Omar, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil & Mohd. A'Tarahim Mohd. Razali. 2021. Dimensi kematian manusia menurut al-Quran [Dimensions of human death according to the Quran]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 129-137.

## **PENGENALAN**

Kebitaraan Al-Qur'an sebagai mukjizat Nabi Muhammad S.A.W. dari aspek keluasan perbendaharaan menjadi asas utama kepada perkembangan kajian tafsir secara tematik terhadap pelbagai kalimah dalam al-Qur'an. Kajian terhadap al-Qur'an masih banyak perlu dilakukan bagi mencari kunci penyelesaian terhadap pelbagai isu yang berlaku pada hari ini untuk dijadikan iktibar. Antara kajian yang perlu dilakukan adalah kajian mengenai kematian dalam al-Qur'an. Allah S.W.T. banyak mendatangkan ayat-ayat berkaitan dengan kematian bagi menunjukkan bahawa kematian adalah perkara yang penting yang akan dilalui oleh setiap manusia. Persediaan untuk menghadapi kematian mestilah berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah kerana isu kematian adalah perkara ghaib. Dengan memahami isu kematian, manusia akan lebih bersungguh-sungguh untuk mempersiapkan bekalan dan bersedia untuk menghadapinya. Selain itu, memikirkan saat menghadapi kematian akan merangsang manusia untuk memikirkan cara untuk menjadi seorang muslim yang baik..

## **Hakikat Kematian**

Kehidupan dan kematian yang bersilih ganti menunjukkan bahawa dunia yang didiami ini sebenarnya bersifat sementara. Kehidupan di dunia akan ada batasnya dan penghujungnya. Semua yang hidup termasuklah tumbuh-tumbuhan, haiwan-haiwan dan jin akan binasa. Jelasnya, keseluruhan alam semesta serta isinya akan musnah dan hancur kecuali zat Allah S.W.T. Hal ini ditegaskan oleh Allah S.W.T. dalam al-Qur'an yang bermaksud: "Dan janganlah engkau menyembah Tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan zat Allah. Bagi-Nyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan)" (Al-Qur'an, al-Qasas 28: 88).

Al-Qur'an menyatakan bahawa setiap manusia pasti akan mati. Peristiwa kematian ini telah berlaku sejak zaman Nabi Adam A.S. dan berterusan sehingga hari kiamat. Hal ini kerana kematian merupakan sunnatullah yang kekal dan tidak ada seorang pun yang dapat mengubahnya. Firman Allah S.W. yang bermaksud: "Yang demikian adalah menurut sunnatullah yang telah lalu dan engkau tidak sekali-kali akan mendapati sebarang perubahan bagi sunnatullah itu" (Al-Qur'an, al-Ahzab 33: 62).

Tidak ada seorang pun di atas muka bumi akan kekal hidup selama-lamanya. Malah Allah S.W.T. menjelaskan kepada Rasulullah S.A.W. bahawa para nabi dan rasul juga menghadapi kematian (al-Ashqar 1995, 16). Firman Allah S.W.T.: yang bermaksud: "Dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelummu dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya?. Tiap-tiap jiwa akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan" (Al-Qur'an,

al-Anbiya' 21: 34-35). Dalam ayat ini, terdapat penegasan Allah S.W.T. kepada seluruh manusia bahawa tiada seorang pun yang akan tetap berada di muka bumi ini termasuk jin dan malaikat. Apabila semua makhluk telah binasa, Allah S.W.T. akan mendatangkan kiamat dan semuanya akan dikembalikan kepada-Nya (Ibn Kathir 2000, 3:284).

## **KEMATIAN SEBAGAI PERKARA GHAIB**

Waktu datangnya kematian adalah rahsia Allah S.W.T. mengikut takdir yang telah ditetapkan oleh-Nya. Hanya Allah S.W.T. yang mengetahui semua perkara ghaib kecuali apa yang telah Dia beritakan dalam al-Qur'an melalui Rasulullah S.A.W. (al-Ashqar 1995, 18). Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahui-Nya itu kepada sesiapa pun melainkan kepada mana-mana rasul yang direndah-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya. Apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka ia mengadakan di hadapan dan di belakang rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasinya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan)" (Al-Qur'an, al-Jin 72: 26-27).

Ibn Kathir (2000, 14: 496) menjelaskan bahawa rasul dalam ayat di atas merujuk kepada para rasul. Ini menunjukkan bahawa manusia biasa yang tidak diangkat sebagai rasul tidak akan diberitahu tentang perkara ghaib oleh Allah S.W.T. Oleh itu, seseorang tidak boleh mendakwa dirinya, guru-gurunya atau wali tertentu mengetahui perkara ghaib seperti perkara berkaitan kematian. Keyakinan sedemikian bertentangan dengan makna ayat di atas. Manusia tidak mengetahui bila mereka akan mati kerana ia merupakan salah kunci perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: " Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dialah jua yang menurunkan hujan dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat). Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuan-Nya" (Al-Qur'an, Luqman 31: 34).

Tiada seorang pun yang akan mendahului atau melangkaui waktu ajal yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. ke atas dirinya. Ajal setiap hamba-Nya telah dicatat oleh malaikat sejak mereka berada dalam kandungan ibunya. Justeru itu, manusia akan mati tepat pada waktunya dengan izin Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Dan (tiap-tiap) makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, iaitu ketetapan (ajal) yang tertentu masanya (yang telah ditetapkan oleh Allah). Dan (dengan yang demikian) sesiapa yang menghendaki balasan dunia, Kami berikan bahagiannya dari balasan dunia itu, dan sesiapa yang menghendaki balasan akhirat, Kami berikan bahagiannya dari balasan akhirat itu dan Kami pula akan beri balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur" (Al-Qur'an, Ali-Imran 3: 145).

## KETAKUTAN MANUSIA MENGHADAPI KEMATIAN

Ketetapan waktu mati itu adalah hak mutlak Allah S.W.T. dan tidak ada seorang pun boleh melarikan diri dari ketentuan kematiannya apatah lagi mengelak atau menukarkan dengan orang lain. Manusia akan merasa amat takut untuk menghadapi kematian dan berusaha untuk lari dan melindungi diri daripada kematian itu. Namun, di mana jua mereka berada, kematian akan mendapatkannya walaupun mereka berselindung di sebalik benteng yang tinggi dan kukuh (al-Qurtubi 2004, 2: 182). Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal) sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh." (Al-Qur'an, al-Nisa' 4: 78).

Sehubungan itu, dapat difahami bahawa manusia dan semua makhluk diciptakan bukanlah untuk kekal hidup di atas bumi ini. Allah S.W.T. telah memberitahu manusia bahawa mereka akan menghadapi kematian setelah menempuh kehidupan di dunia.

## KATA YANG MENGGAMBARAKAN KEMATIAN DALAM AL-QURAN

Menurut penggunaan al-Qur'an, Allah S.W.T. menggunakan beberapa kata yang membawa makna kematian iaitu *al-mawt*, *wafa*, *qutila*, *halaka*, *al-yaqin* dan *akhaza*.

### *Al-Mawt*

Makna yang masyhur bagi *al-mawt* dalam al-Qur'an adalah perpisahan roh dan jasad. Terdapat 27 tempat dalam al-Qur'an yang menggunakan kata *al-mawt* bagi menggambarkan kematian. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu) lagi Maha Pengampun (bagi orang-orang yang bertaubat)" (Al-Qur'an, al-Mulk 67: 2).

Dalam ayat di atas, *al-mawt* adalah kematian yang merupakan kata lawan bagi *al-hayah* atau kehidupan (al-Zamakhshari 1995, 4: 562). Penciptaan kematian dan kehidupan adalah bagi melihat amalan siapakah yang lebih baik di sisi Allah S.W.T. Menurut (al-Qurtubi 2004, 18: 135) kata *al-mawt* disebut terlebih dahulu sebelum *al-hayah* kerana kematian itu terlebih dahulu terjadi sebelum kehidupan lantaran manusia sememangnya berasal daripada tiada. Kematian manusia adalah ketentuan Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Kamilah yang menentukan (dan menetapkan masa) kematian (tiap-tiap seorang) di antara kamu dan Kami tidak sekali-kali dapat dikalahkan atau dilemahkan" (Al-Qur'an, al-Waqi'ah 56: 60).

Dalam ayat di atas, *al-mawt* adalah salah satu tahap dalam kitaran hidup manusia yang bermula daripada air mani. Air mani kemudiannya bercantum dengan benih wanita seterusnya menghasilkan fetus yang hidup di dalam rahim ibu. Tahap akhir kitaran hidup manusia adalah kematian yang merupakan penamat kehidupan dunia. Perubahan tahap dalam kitaran hidup manusia ini telah menjadi ketentuan Allah S.W.T. terhadap semua makhluk-Nya. Allah S.W.T. berkemampuan mematikan manusia pada bila-bila masa tanpa kuasa-Nya berkurangan atau menjadi lemah (Sayyid Qutub 1971, 7: 702). Firman Allah S.W.T. lagi: yang bermaksud: "Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Maka sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke

syurga, maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahan dan pangkat kebesaran) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya” (Al-Qur’an, Ali-<sup>c</sup>Imran 3: 185). Kata *al-mawt* dalam ayat di atas bermaksud perpisahan roh dan jasad. Roh si mati akan dikekalkan hidup oleh Allah S.W.T. untuk merasai nikmat atau azab di alam kubur manakala jasadnya akan hancur (Ibn al-Qayyim 1999, 215).

Kata *al-mawt* digunakan di beberapa tempat bagi menunjukkan proses dan kesulitan kematian. Allah S.W.T. menjelaskan cara kematian berlaku menerusi firman-Nya: ”Allah (yang menguasai segala-galanya), Ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya dan jiwa orang yang tidak mati; dalam masa tidurnya. Kemudian Ia menahan jiwa orang yang Ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya)” (Al-Qur’an, al-Zumar 39: 42).

### **Wafa**

*Wafah* adalah kematian yang berasal daripada kata *wafa*. Kata ini mempunyai beberapa makna iaitu menepati janji, menyempurnakan, tidak mengurangi timbangan dan mati. Kematian dinamakan *wafah* kerana umur manusia akan mencapai batas pengakhiran (Raghib al-Asfahani 1997, 878). Firman Allah S.W.T.: ”Allah yang menguasai segala-galanya, ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati dalam masa tidurnya. Kemudian ia menahan jiwa orang yang ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya).” (Al-Qur’an, al-Zumar 39: 42).

Kata *yatawaffa* bermaksud menyempurnakan atau mencapai batas akhir. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang berhak mengambil nyawa manusia dan menentukan masanya dengan mengarahkan malaikat-Nya bagi menjalankan tugas tersebut. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: ”Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiayai diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik). Mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata, "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?". Mereka menjawab, "Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi". Malaikat bertanya lagi, "Tidakkah bumi Allah itu luas yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?". Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya tempat akhir mereka ialah neraka Jahanam dan neraka Jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.” (Al-Qur’an, al-Nisa’ 4: 97).

### **Qutila**

Kata *qutila* berasal daripada kata dasar *qatala* yang bermaksud membunuh, berperang dan memusnahkan. Selain itu, ia juga membawa maksud mati (Nabil 1997, 161). Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: ”Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul yang sudah

didahului olehnya beberapa orang rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? Dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikit pun dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)” (Al-Qur’an, Ali-‘Imran 3: 144). Ayat ini diturunkan untuk menegaskan bahawa kematian akan berlaku kepada semua manusia termasuk para nabi.

### ***Halaka***

Menurut Raghīb al-Asfahani (1997, 844), kata kerja *halaka* bermaksud kebinasaan, kerosakan, hilangnya sesuatu pada diri seseorang walaupun masih ada pada selainnya dan kematian. Kata *halaka* ini disebut sebanyak 68 kali di dalam al-Qur’an (Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi 1996, 828-829). Walaubagaimanapun, bukan semua kata *halaka* di dalam al-Qur’an membawa maksud kematian. Kata *halaka* yang membawa maksud mati antaranya adalah firman Allah S.W.T. yang bermaksud: ”Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad mengenai masalah *kalalah*). Katakanlah, "Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara *kalalah* itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu” (Al-Qur’an, al-Nisa’ 4: 176). Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud: “Dan janganlah engkau menyembah Tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan zat Allah. Bagi-Nyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan)” (Al-Qur’an, al-Qasas 28: 88). Kata *halik* dalam ayat ini bermakna mati kerana pada hakikatnya semua makhluk akan mati kecuali zat Allah S.W.T. sahaja yang hidup dan kekal abadi.

### ***Al-yaqin***

Menurut *Mu‘jam al-Wajiz*, kata *al-yaqin* membawa maksud pasti, jelas, kepercayaan dan kepastian yang tidak boleh dipertikaikan. Selain maksud tersebut, *al-yakin* juga bermaksud mati (Nabil 1997, 227). Firman Allah S.W.T.: ”Dan sembahlah Tuhanmu, sehingga datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin” (Al-Qur’an, al-Hijr 15: 99).

Al-Zamakhshari (1995, 2: 568), Ibn Kathir (2000, 8: 286) dan al-Qurtubi (2004, 5: 42) bersepakat bahawa makna *al-yaqin* pada ayat ini membawa maksud kematian. Kematian disamakan dengan keyakinan kerana ia adalah sesuatu yang pasti yang tidak seorang pun meragukannya samada orang yang beriman mahupun tidak. Ini kerana, kewajipan dalam agama harus dilaksanakan sehingga akhir kehidupan kerana kewajipan itulah yang menjadi petunjuk

kepada manusia dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Perintah dan suruhan Allah S.W.T. terhadap hamba-Nya haruslah dilaksanakan dan diyakini secara menyeluruh sehingga mati menjemput mereka. Ayat ini menjadi dalil bahawa ibadat seperti solat adalah wajib hukumnya bagi manusia selama mana mereka mempunyai akal yang sihat, tidak berada dalam keadaan pengsan atau hilang kesedaran, maka ia boleh mengerjakan solat sesuai dengan keadaan masing-masing sehingga mereka mati.

Menurut Ibn Kathir (2000, 8: 287), terdapat golongan yang mengeksploitasi makna *al-yaqin* dengan *ma'rifah*. Mereka beranggapan bahawa apabila salah seorang di antara mereka telah sampai pada tingkatan *ma'rifah*, maka dia terlepas daripada kewajipan beribadah. Pendapat yang dikemukakan oleh mereka ini membuktikan bahawa mereka berada dalam kekufuran dan kesesatan kerana Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat mereka adalah orang yang lebih tahu tentang hak-hak dan sifat-sifat Allah S.W.T. Dengan demikian, mereka adalah orang-orang yang banyak beribadah kepada Allah S.W.T. dan selalu membuat kebaikan sehingga mereka mati.

### **Akhaza**

Menurut *al-Mu'jam al-Wajiz*, kata *akhaza* bermaksud mengambil, meminta, menghentikan dan mendapatkan. Selain maksud tersebut, *akhaza* juga membawa maksud hancur dan binasa iaitu mati (Nabil Abd Salam 1997, 8). Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Oleh itu, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi, lalu jadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing" (Al-Qur'an, al-A'raf 7: 78).

Dalam ayat di atas, nyawa kaum Nabi Salih A.S. diambil dengan ditimpakan ke atas mereka gempa. Al-Qur'an menggunakan kata *akhaza* bagi menunjukkan kehancuran kaum tersebut disebabkan oleh *al-rajfah* yang hampir sama ertinya dengan *al-zilzal* iaitu gempa tetapi mempunyai makna yang lebih dahsyat. *Al-rajfah* tersebut telah menyebabkan jantung kaum Nabi Salih A.S. berhenti berdegup dan mereka terus mati (al-Qurtubi 2004, 7: 154). Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud: "Dan orang-orang yang zalim itu dibinasakan oleh satu letusan suara yang menggempakan bumi, lalu jadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat tinggal masing-masing. (Mereka punah-ranah) seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di situ. Ketahuilah! Sesungguhnya kaum Thamud itu kufurkan Tuhan mereka. Ketahuilah! Sesungguhnya kebinasaanlah akhirnya bagi kaum Thamud" (Al-Qur'an, Hud 11: 67-68). Dalam ayat di atas, al-Qur'an menggunakan kata *akhaza* yang diikuti dengan kata *al-sayhah* bagi menggambarkan kebinasaan kaum Thamud. Kata *al-sayhah* diletakkan setelah kata kerja *akhaza* bagi menceritakan punca kehancuran kaum tersebut. Mereka dibinasakan disebabkan kezaliman mereka dengan suara teriakan yang sangat kuat yang datang dari langit dan mengakibatkan mereka mati bergelimpangan (al-Qurtubi 2004, 5: 43).

### **PERINGATAN AL-QURAN SEBAGAI PANDUAN KEHIDUPAN**

Allah S.W.T. menegaskan bahawa manusia yang berjaya mengharungi ujian semasa di dunia adalah orang yang paling baik amalannya dan yang paling bersungguh-sungguh berusaha untuk meraih keredaannya (al-Tabari 1999, 14: 3). Contoh terbaik ialah sikap para nabi dan rasul

dalam menghadapi segala macam rintangan dan dugaan semasa mengajak umat manusia untuk mentauhidkan Allah S.W.T. Mereka mempunyai kecekalan yang luar biasa dan kesabaran yang tinggi serta berusaha dengan sedaya upaya dalam misi dakwah mereka.

Al-Qur'an memberi peringatan tentang kematian supaya kesempatan hidup ini dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya sebagai bekal sebelum menghadapi kematian. Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "Dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa dan bertakwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal" (Al-Qur'an, al-Baqarah 2: 197). Allah S.W.T. menjelaskan bahawa ketakwaan adalah bekal yang terbaik untuk memperolehi keredaan daripada-Nya. Dengan ketakwaan itu, seseorang itu akan menjadikan kehidupan dunia sebagai kesempatan untuk meraih kebahagiaan hidup di akhirat yang abadi. Sebaliknya, orang yang tidak bertakwa adalah mereka yang lalai dan lebih mementingkan kehidupan dunia (Ibn Kathir 2000, 2: 247).

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua makhluk di muka bumi ini akan musnah kecuali Allah S.W.T. sahaja yang kekal abadi. Bagi manusia, kematian itu adalah pasti dan tiada siapa yang akan mengetahui bila ajal mereka akan tiba. Mereka tidak mengetahui di mana mereka akan mati dan bilakah waktunya. Semua itu adalah tertakluk kepada pengetahuan Allah S.W.T. sahaja kerana kematian adalah salah satu daripada perkara ghaib dan menjadi rahsia-Nya. Kematian adalah satu kepastian yang akan berlaku kepada semua makhluk tanpa seorang pun yang akan terkecuali. Al-Qur'an menggunakan pelbagai kosa kata bagi menggambarkan kematian manusia. Penggunaan kosa kata tersebut membuktikan keluasan perbendaharaan al-Qur'an. Terdapat banyak ayat al-Qur'an berkaitan dengan kematian kerana ia merupakan perkara penting yang menentukan kehidupan akhirat seseorang sama ada mendapat balasan baik atau buruk.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. (2003). *Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Hafiz Abdullah et al. (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Penyelidikan Jangka Pendek, Skudai: Pusat Pengurusan Penyelidikan UTM.

al-Ashqar, 'Umar Sulayman. 1995. *Al-Qiyamah al-Sughra*. Jordan: Dar al-Nafais.

al-Bukhari, Abu 'Abdillah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah. t.th. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Jil.

Abu Hayyan al-Andalusi, Muhammad ibn Yusuf. 1993. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Faris, Abi al-Husayn ibn Zakariyya. 1994. *Mu'jam al-Maqayis fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.



- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail. 1968. *Nihayat al-Bidayah wa al-Nihayah*. Riyadh: Maktabah al-Nashr al-Hadithah.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail. 1969. *Kitab al-Nihayah aw al-Fitan wa al-Malahim*. Qaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail. 2000. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Qaherah: Maktabah Awlad al-Shaikh li al-Turath.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, al-Hafiz Shams al-Din. 1999. *Kitab al-Ruh*. (Tahqiq) Tamir Muhammad Muhammad. Qaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.
- Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. 1994. *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muslim, Abi al-Husayn ibn al-Hujjaj al-Qushayri Al-Naisaburi. 1987. *Sahih Muslim*. Beirut: Maktab al-Islami.
- Muslim, Abi al-Husayn ibn al-Hujjaj al-Qushayri Al-Naisaburi. 1994. *Terjemahan Sahih Muslim*. Terj. KH. Adib Bisri Mustafa. Indonesia: CV. Al-Shifa'.
- Nabil Abdul Salam Harun. 1997. *Al-Mu'jam al-Wajiz li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Qaherah: Dar al-Nashr li al-Jami'ah.
- al-Qurtubi, Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1997. *Al-Tadhkirah fi Ahwal al-Mawta wa Umur al-Akhirah*. Qaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- al-Qurtubi, Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 2004. *Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- al-Qurtubi, Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 2005. *Al-Tadhkirah; Bekal Menghadapi Kehidupan Abadi*. Terj. H. Ansari Umar Sitanggal. Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Hussyn bin Muhammad. 1997. *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Sayyid Qutub. 1971. *Tafsir fi Zila al-Quran*. Beirut: Dar Ahya' al-Turath al-'Arabi.
- Sayyid Qutub. 1983. *Taswir al-Fanni fi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- al-Suyuthi, Jalal al-Din 'Abd Rahman. t.th. *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*. Qaherah: Al-Maktabah al-Qayyimah.
- al-Zamakhshari, Abi al-Qasim Muhammad ibn 'Umar bin Muhammad. 1982. *Asas al-Balaghah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- al-Zamakhshari, Abi al-Qasim Muhammad ibn 'Umar bin Muhammad. 1995. *Al-Kashshaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujud al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1991. *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damshiq: Dar al-Fikr.